



KERATAN AKHBAR

SURAT KHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	9/4/2021	MUKA SURAT	: 28
JABATAN	:	JMG		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Usaha isytihar Tapak Kinabalu

Harian Metro 9/4/2021 m/s 28

Kota Belud: Taman Kinabalu kini dalam usaha mendapatkan pengisytiharan sebagai Tapak Kinabalu menerusi Unesco Global Geopark dalam usaha mencapai matlamat pembangunan lestari.

Pengarah Taman-Taman Sabah (TTS), Dr Maklarin Lakim berkata, pihaknya menyasarkan pengiktirafan terbabit bertujuan meningkatkan sosioekonomi dalam kalangan pihak berkepentingan termasuk penduduk tempatan.

Katanya, Taman Kinabalu sebelum ini diisytiharkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) sebagai Tapak Warisan Dunia pertama di Malaysia pada 2000.

“Pengiktirafan itu, sekali gus menjadikan Taman Kinabalu mampu mengangkat dan memperkasakan destinasi pelancongan ber taraf global seterusnya menyumbang pendapatan negeri serta penduduk.”

“Malah, kerajaan negeri menerusi Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Taman-taman Sabah serta agensi kerajaan turut menjangkau seluruh pelosok kawasan sekitar,” katanya selepas merasmikan Program Pemerksaan Komuniti Daratan Daerah Kota Belud di Dewan Kompleks Sukan Botung di sini, semalam.

Menurut beliau, dengan tercapainya matlamat berkenaan, Taman Kinabalu atau Kinabalu Geopark akan menjalankan produk



DR Maklarin

geo-pelancongan yang akan menambah nilai dan kualiti aktiviti ekopelancongan sedia ada.

“Geopark adalah antara konsep pembangunan kepada tiga perkara iaitu pemuliharaan sumber geologi, pembangunan infrastruktur pelancongan dan aktiviti sosioekonomi yang berteraskan hubungan geologi atau masyarakat setempat.”

“Kini, Taman-taman Sabah dan Jabatan Mineral dan Geosains berusaha mendapatkan pengiktirafan Tapak Kinabalu Geopark yang juga diisytiharkan sebagai Geopark Kebangsaan pada Mac tahun lalu untuk diangkat dan diisytiharkan sebagai Tapak Kinabalu Unesco Global Geopark,” katanya.

Difahamkan, Kinabalu Geopark meliputi kawasan seluas 4,750 kilometer persegi meliputi kawasan Taman-taman Kinabalu iaitu daerah Kota Belud, Kota Marudu dan Ranau mem-babitkan 46 kawasan berpotensi dijadikan tapak geo-pelancongan dalam kalangan penduduk.